

## Perkhidmatan Home Assist

- Pembaikan Pendawaian Elektrik**  
 Jika berlakunya sebarang kerosakan pendawaian atau perkakasan elektrik di kediaman pemilik, Tokio Marine Home Assist akan menghantar juruteknik yang berkelayakan untuk membaiki kerosakan.
- Tukang Kunci**  
 Jika pihak diinsuranskan tidak dapat memasuki kediaman mereka disebabkan tidak mempunyai kunci rumah atau secara tidak sengaja terkunci, Tokio Marine Home Assist akan menyediakan perkhidmatan tukang kunci bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemilik. Perkhidmatan ini adalah termasuk kesukaran membuka laci, almari atau sebagainya di rumah pihak yang diinsuranskan.
- Pembaikan Paip Air**  
 Tokio Marine Home Assist akan menghantar tukang paip yang berpengalaman untuk membaiki segala kebocoran/kerosakan saluran paip disebabkan oleh:
  - Bekalan air tersumbat atau
  - Sistem saliran tersumbat atau
  - Kebocoran saluran paip air (tidak termasuk kepala paip) atau
  - Segala masalah bekalan air di rumah
- Pembersihan & Baik Pulih Permaidani & Perkakas Rumah**  
 Jika terdapat permaidani atau perkakas rumah pihak diinsuranskan yang memerlukan pembersihan, Tokio Marine Home Assist akan menyediakan perkhidmatan pakar yang berkelayakan.
- Membaik Pulih Penghawa Dingin**  
 Sekiranya berlaku kerosakan ke atas alat penghawa dingin pihak diinsuranskan, Tokio Marine Home Assist akan memastikan orang yang berkelayakan dihantar untuk membaiki kerosakan. Perkhidmatan ini adalah termasuk kerja penyelenggaraan yang biasa.
- Pembaikan Bumbung**  
 Jika rumah pihak diinsuranskan mengalami kebocoran bumbung dan memerlukan pembaikan segera, Tokio Marine Home Assist akan memastikan orang yang berpengalaman yang berdekatan dihantar ke rumah pemilik bagi menyelenggarakan kerja-kerja baik pulih.

Pelanggan yang dihargai,

Terima kasih kerana melindungi kenderaan anda dengan insurans Tokio Marine.

Sebagai pemegang polisi insurans motor komprehensif, anda akan menerima perlindungan insurans Tokio Marine Auto Partner secara percuma sekiranya perkara yang tidak diingini berlaku seperti kerosakan kenderaan, tayar pancit, bateri perlu ditukar, pintu terkunci atau kemalangan. Anda pasti berasa senang hati kerana dengan Tokio Marine Auto Partner, anda boleh mendapatkan pertolongan dengan hanya satu panggilan telefon apabila anda memerlukannya.

Anda hanya perlu menghubungi talian bebas tol kami yang beroperasi 24 jam di 1800 88 1301 atau (03) 2053 5800 dan nyatakan nombor pendaftaran kereta anda bagi mendapatkan bantuan. Perkhidmatan ini disediakan untuk anda 24 jam sehari, 365 hari setahun di Malaysia.

Sila baca risalah ini untuk memahami bagaimana Tokio Marine Auto Partner dapat menghulurkan bantuan yang anda perlukan dan simpan di dalam kereta anda sebagai rujukan apabila perlu.

Terima kasih atas kepercayaan anda.

### Pihak Pengurusan

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
 198601000381 (149520-U)

## Khidmat bantuan kini di hujung jari anda!



Muat turun aplikasi mudah alih baru **Tokio Marine AutoPartner** sekarang



Download on the App Store



Get it on Google play

Atau hubungi kami di Nombor Bantuan Kecemasan **1800 88 1301** atau (03) 2053 5800

**Sebelum membuat panggilan, sila pastikan maklumat-maklumat berikut mencukupi:**

- Nama
- Nombor pendaftaran kenderaan
- Nombor telefon
- Jenis panggilan
- Butir-butir kejadian atau pertanyaan



Perlindungan Insurans Komprehensif



Bantuan Jalan Raya



Perkhidmatan Pembaikan di Rumah

### Cop Ejen

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

### Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad

198601000381 (149520-U)  
 Level 20, Menara Hap Seng 3, Plaza Hap Seng,  
 No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.  
**T:** (03) 2027 8200 / 2789 8800 **F:** (03) 2022 2295  
**Customer Service Hotline:** 1800 88 0812

[tokiomarine.com](http://tokiomarine.com)

## Auto Partner

Panduan Bantuan Jalan Raya & Pembaikan di Rumah



TOKIO MARINE  
INSURANCE GROUP

Tokio Marine  
Insurans (Malaysia) Berhad  
 198601000381 (149520-U)

[tokiomarine.com](http://tokiomarine.com)  
 Life & Health | Property & Casualty



## Kemudahan dan Perkhidmatan

Khidmat Bantuan Kecemasan bermaksud bilamana kenderaan anda terkandas disebabkan mengalami kerosakan ataupun Kemalangan, Teman Auto Tokio Marine akan menawarkan perkhidmatan berikut kepada para pemegang polisi di bawah perlindungan insurans komprehensif:

Kemudahan dan Khidmat	Kemalangan	Kerosakan
<b>Penundaan dan pembaikan segera di tepi jalan</b>	Kami akan membayar bayaran penundaan atau pembaikan segera di tepi jalan sehingga: Kereta Persendirian - <b>RM200.00</b> • Perlindungan Komprehensif Sahaja	a) Kami akan menanggung kos upah penundaan/ membaikpulihan kenderaan di tempat kejadian: Kereta Persendirian - <b>RM250.00</b> • Perlindungan Komprehensif Sahaja  b) Segala perbelanjaan dan bayaran yang berkaitan dengan alat gantian ditanggung sepenuhnya oleh anda.  Perkhidmatan ini hanya boleh diperolehi melalui <b>Talian Bebas Tol</b> : 1 800 88 1301 atau <b>Talian Hotline</b> : (03) 2053 5800
<b>Penyampaian Maklumat di waktu Kecemasan</b>		Diberikan kepada anda secara percuma
<b>Bantuan Rujukan Perubatan</b>		
<b>Penghantaran Kenderaan</b>		
<b>Penginapan Hotel</b>		
<b>Bantuan Perjalanan Pilihan</b>		Teman Auto Tokio Marine akan mengaturkan perkhidmatan ini. Segala bayaran dan perbelanjaan yang berkaitan ditanggung oleh anda.
<b>Bantuan Pemindahan Kecemasan</b>		
<b>Bantuan Guaman</b>		

## Penerangan Kemudahan Dan Perkhidmatan

**Khidmat tunda dan pembaikan segera di tepi jalan adalah khas untuk pemilik kenderaan di bawah perlindungan insurans komprehensif sahaja.**

- **Kemalangan**  
Kami akan membayar bayaran penundaan atau pembaikan segera di tepi jalan sehingga:  
Kereta Persendirian - **RM200.00**

- **Kerosakan**  
a) Kami akan menanggung kos upah penundaan/ membaikpulihan kenderaan di tempat kejadian:  
Kereta Persendirian - **RM250.00**

- b) Segala perbelanjaan dan bayaran yang berkaitan dengan alat gantian ditanggung sepenuhnya oleh anda.  
  
Perkhidmatan ini hanya boleh diperolehi melalui:  
**Talian Bebas Tol** : 1 800 88 1301  
**Talian Hotline** : (03) 2053 5800

**Penghantaran Kenderaan**  
Sekiranya kerja pembaikan tidak dapat dilakukan di tempat asal atau di woksyp, Teman Auto Tokio Marine akan menunda kereta tersebut samada ke rumah / kediaman anda. Segala bayaran dan kos perbelanjaan yang berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh anda.

**Penginapan Hotel**  
Sewaktu memandu terutamanya ketika di luar daerah, jika kenderaan anda terkandas dan keadaan memerlukan anda untuk bermalam sementara kerja pembaikan di jalankan, jika perlu Teman Auto Tokio Marine akan membantu anda mendapatkan maklumat berkenaan dengan penginapan hotel. Anda bertanggungjawab ke atas segala perbelanjaan dan bayaran yang berkaitan.

**Bantuan Perjalanan Pilihan**  
Jika anda terkandas dan kenderaan anda tidak dapat di baiki di dalam jangkawaktu yang terdekat dan mengakibatkan perjalanan anda tergendala, Teman Auto Tokio Marine akan membantu anda mendapatkan kenderaan yang lain supaya anda dapat meneruskan perjalanan anda. Segala bayaran dan kos perbelanjaan yang berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh anda.

**Bantuan Pemindahan Kecemasan**  
Jika perhatian perubatan di perlukan, Teman Auto Tokio Marine akan uruskan khidmat pemindahan perubatan samada dengan bantuan ambulans atau kenderaan yang berlainan kepada pemegang polisi dari tempat kejadian ke mana-mana pusat perubatan ataupun hospital yang berdekatan. Segala bayaran dan kos perbelanjaan yang berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh anda.

**Bantuan Rujukan Perubatan**  
Sekiranya anda menemui kemalangan yang memerlukan rawatan perubatan, anda boleh hubungi Teman Auto Tokio Marine pada bila-bila masa untuk rujukan pegawai perubatan. Sekiranya perlu, Teman Auto Tokio Marine juga akan membantu anda membuat temujanji rawatan. Rujukan juga boleh di buat kepada hospital, klinik swasta atau pergigian, khidmat telefon ini tidak boleh di anggap sebagai pengenalan penyakit.

**Bantuan Guaman**  
Bagi kes kemalangan yang melibatkan pendakwaan dari pihak ketiga ke atas anda, Teman Auto Tokio Marine akan membantu anda merujuk kes tersebut kepada peguam. Segala bayaran dan kos perbelanjaan yang berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh anda.

## Dokumen Yang Diperlukan Jika Berlaku Kemalangan

- Borang Pemberitahuan Kemalangan yang lengkap diisi.
- Salinan sah laporan polis
- Anggaran membaik pulih dari Pembaiki
- Salinan kad pengenalan atau passpot dan lesen memandu anda
- Salinan kad pengenalan atau passpot dan lesen memandu pemandu
- Salinan Geran kenderaan yang terang (kedua belah)
- Salinan pelekat cukai jalan.
- Salinan perjanjian jualbeli kenderaan, jika berkenaan.
- Dokuman tambahan untuk tuntutan cermin kenderaan pecah:  
- Gambar asal cermin kenderaan yang pecah sebelum dibaiki.  
- Resit / Sebutharga asal pembaikan.
- Bengkel pilihan kami akan menolong anda menguruskan segala dokumentasi untuk tuntutan.

## Perkara Yang Perlu Di Lakukan Selepas Kemalangan

- Tenang dan elakkan pertengkaran atau pergaduhan
- Dapatkan maklumat berikut:  
- No. pendaftaran, jenis dan model kenderaan yang terlibat di dalam kemalangan tersebut.  
- Nama pihak ketiga dan nama syarikat insurans kenderaan mereka  
- Nama, alamat dan nombor telefon saksi, jika ada.  
- Tahap kerosakan atau kecederaan yang dialami oleh semua pihak yang terlibat
- Jangan memberikan sebarang kebenaran untuk menunda kenderaan anda selain dari yang di panggil oleh pusat bantuan talian 24 jam kami. (Pusat bantuan akan memberi anda nama syarikat yang akan menunda kereta anda)
- Jangan menandatangani apa-apa kebenaran untuk menunda kenderaan anda selain dari perkhidmatan bantuan kami,
- Jangan membuat sebarang akuan kesalahan atau tawaran gantirugi kepada mana-mana pihak yang terbabit, kerana ianya adalah bertentangan dengan peraturan polisi. Anda boleh menasihatkan pihak tersebut untuk berhubung dengan kami.
- Buat laporan polis dalam masa 24 jam.
- Anda dimestikan menghubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad (walaupun anda tidak berhajat untuk mengemukakan tuntutan) untuk melindungi anda dan pihak kami dari sebarang tuntutan yang mungkin timbul ekoran dari kemalangan tersebut.
- Pusat bantuan akan menghantar maklumat ringkas kepada bahagian tuntutan Tokio Marine. Bagaimana pun anda di nasihatkan menghubungi bahagian tuntutan Tel. (03) 2026 9808 (Ext: 7000) kita menyemak status tuntutan anda.

**Nota:**  
Adalah salah satu syarat polisi yang mana setiap kejadian kemalangan hendaklah dilaporkan kepada Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad di dalam jangkawaktu yang munasabah. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian anda dianggap sebagai melanggar syarat polisi dan dengan demikian Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad berhak untuk menafikan sebarang tuntutan yang bersabit dengan kemalangan tersebut atau menuntut kembali sebarang bayaran yang telah dibuat.

## Kenapa Anda Perlu Menggunakan Panel Bengkel Teman Auto Tokio Marine

Dengan menggunakan panel bengkel Teman Auto Tokio Marine, anda akan memperolehi sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang berikut:

- Proses pengemukaan tuntutan yang mudah
- Bengkel yang terletak di tempat yang strategik di seluruh negara
- Kelulusan pembaikan yang cepat
- Keutamaan pembaikan ke atas kenderaan anda
- Jaminan pembaikan untuk selama 6 bulan selepas kerja pembaikan

## Peraturan dan Syarat

- Semua perkhidmatan dan manfaat yang dinyatakan di sini adalah khas untuk para pemegang polisi insurans Kenderaan Komprehensif Persendirian Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad.
- Semua perkhidmatan dan manfaat yang ditawarkan di sini adalah sah untuk sepanjang tempoh polisi insurans Kenderaan Komprehensif Persendirian anda.
- Semua perkhidmatan dan manfaat yang ditawarkan di sini tidak termasuk:  
1) kenderaan yang digunakan untuk ganjaran dan / atau membawa barangan.  
2) Polisi-polisi motor tertentu di bawah agensi francais motor / pengedar kami.
- Sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan Tokio Marine kami untuk maklumat lanjut.
- Perkhidmatan dan manfaat Teman Auto Tokio Marine boleh di dapati di tempat-tempat berikut:  
1) Di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali semua pulau selain daripada Pulau Pinang dan Langkawi, dan
- 2) Malaysia Timur – Wilayah Persekutuan Labuan dan dalam lingkungan 25 KM dari kesemua bandar bandar utama di Sabah dan Sarawak..
- Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad berhak untuk meminda atau menukar manfaat, perkhidmatan dan/atau maklumat yang disediakan di bawah Perkhidmatan Auto Partner Tokio Marine yang dinyatakan di dalam risalah ini tanpa notis kepada pemegang polisi. Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad melalui Teman Auto Tokio Marine tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang perubahan yang dibuat yang mengakibatkan pemegang polisi mengalami kerugian atau kecederaan.
- Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad melalui Teman Auto Tokio Marine berhak untuk mengubah, meminda atau mengeluarkan sebarang maklumat yang terdapat di sini tanpa perlu memberi sebarang alasan atau amaran.